

17/01/1998

Memerangi rasuah menjadi agenda global

Abu Hassan Adam

LANGKAH meningkatkan gerakan pembasmian rasuah yang dijalankan adalah selaras dengan hasrat beberapa organisasi antarabangsa yang juga berusaha membanteras kegiatan terkutuk ini. Menyedari pentingnya pasaran global untuk pertumbuhan sesebuah negara, Amerika Syarikat dan kumpulan antarabangsa yang lain seperti Transparency International, Organization of Economic Cooperation and Development (OECD) bersetuju menghapuskan pengecualian cukai kepada peruntukan rasuah dalam mendapatkan peluang perniagaan di sesebuah negara, sebagaimana dipraktikkan sesetengah negara Eropah misalnya. Dalam arus pemikiran yang sama juga, Bank Dunia, Tabung Mata Wang Antarabangsa dan Pertumbuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menyediakan garis panduan mensyaratkan sesebuah kerajaan harus bersih daripada amalan rasuah sebagai salah satu syarat mendapatkan kemudahan dan pertolongan.

Di samping itu, Amerika Syarikat nampaknya yakin dengan langkah dan tindakan OECD yang mempunyai keahlian 29 negara itu untuk memperuntukkan kesalahan pemberian rasuah sebagai jenayah, yang akan berkuatkuasa pada 1998 ini. Namun ada negara Eropah kurang berminat dengan syarat itu. Tindakan tegas IMF menghentikan bantuan AS\$205 juta kepada Kenya boleh dijadikan panduan pentingnya pembanterasannya amalan rasuah.

Sebelum kita terjebak dalam suasana sedemikian, kenalah pada masa dan ketikanya Malaysia mempertingkatkan usaha memerangi rasuah. Dengan usaha yang bersungguh-sungguh, tentulah lebih meyakinkan lagi rakyat Malaysia dan dunia luar mengenai hasrat kita untuk maju berlandaskan cara yang diredai. Amat diyakini juga bahawa pembanterasannya rasuah secara bersungguh-sungguh ini adalah ramuan untuk kita mencapai Wawasan 2020.

Nampaknya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terpaksa mengulangi cogan kata Bersih, Cekap, Amanah yang dilaungkannya pada awal 80-an dulu apabila beliau mula menerajui negara. Apakah ramai antara kita sudah khayal dan lena dengan kemewahan dan kekayaan lantas lupa kepada cogan kata itu. Menurutny, jika ramai pekerja dan peniaga sesebuah negara tidak amanah dalam urusan dengan pedagang lain, dagangan dalam dan luar negara tidak lancar dan berkembang. Akibatnya, ekonomi negara itu tidak akan tumbuh.

Selain amanah, Dr Mahathir menekankan mengenai kejujuran, keikhlasan, ketekunan, disiplin, ketertiban dan dedikasi yang menjadi sebahagian daripada asas integriti serta etika yang baik. Menurut Perdana Menteri, jika nilai itu diamalkan setiap masa oleh seseorang pekerja, penyeliaan sepanjang masa tidak perlu diadakan. Ini sekali gus akan meningkatkan keupayaan dan mengurangkan kos.

Media Barat sering menyatakan kegiatan dan amalan rasuah lumrah di negara membangun. Akhbar Times ada melaporkan: "Its true, corruption is universal. But nowhere is the graft more blatant or the stakes higher than in the world's emerging markets. In many countries going through fast transitions, rule of law is weak and government officials are strong but poorly paid. To foreign companies, the markets are mouth-watering. In other words, its fertile ground for bribes, large and small."

Dijelaskan juga mengenai pelbagai cara dan teknik melakukan amalan rasuah di peringkat antarabangsa. Diceritakan kisah seorang peniaga dari Itali yang menunjukkan faks daripada seorang pelanggan yang meminta beliau meminda invois dengan tujuan dapat memasukkan 15 peratus komisen untuk diberikan kepada seorang ahli politik yang boleh meluluskan segera projek berkenaan.

Satu lagi peristiwa menarik ialah kisah seorang peniaga Amerika yang menceritakan pengalamannya ketika menjalankan perniagaan di sebuah negara.

Mengikut ceritanya beliau hampir 'give up' untuk bermain golf di negara berkenaan disebabkan rakan permainannya (pegawai negara berkenaan) sering datang ke padang golf tanpa kayu golf. Dan terpaksa beliau membelikan kayu golf yang baru setiap kali mereka bermain.

Kegiatan rasuah adalah satu pelakuan universal. Kerajaan Amerika kononnya amat bertegas dengan kegiatan rasuah. Misalnya peniaga dari Texas berpegang teguh kepada undang-undang Amerika yang menjadi kesalahan jenayah memberi rasuah kepada pegawai kerajaan di negara luar tempat mereka menjalankan perniagaan. Tetapi dalam hal ini seolah-olah Amerika Syarikat keseorangan dalam usahanya sedangkan peniaga dari negara lain misalnya Jerman dan Perancis menyediakan satu peruntukan khas pengecualian cukai untuk keperluan 'hadiah' dan rasuah yang dibayar kepada pegawai negara luar.

Rasuah berlaku secara berleluasa disebabkan ada pemberi dan penerima. Ditinjau dari satu sudut kedua-dua pihak tentu tidak berasa bersalah kerana kedua-duanya melakukan dengan kerelaan dan berasaskan 'win-win situation'.

Namun, kegiatan itu terkutuk apabila dilihat dalam konteks yang lebih luas. Oleh itu, langkah mengetatkan Akta 1997 ini diharapkan akan dapat membendung kegiatan itu.

Disebabkan adanya pakatan rasuah antara yang memberi dan menerima, kos sesuatu pentadbiran melambung naik. Malah, kata Perdana Menteri, jika wujud pula pakatan jahat antara pentadbir atau anggota pentadbiran dengan peniaga atau pengusaha yang tamak, kesannya ialah kos pentadbiran dan pembangunan melambung. "Dan rakyat akan terpaksa memikul kos ini kerana banyak kemudahan yang sepatutnya dibekalkan kepada rakyat tidak dapat dibekal atau segala bayaran untuk kemudahan awam menjadi tinggi".

Dr Mahathir mengakui mengenai adanya kegiatan rasuah daripada kalangan pegawai kerajaan kita. "Gejala rasuah di negara ini masih berada di tahap pertama iaitu ia dilakukan secara tersembunyi di kalangan pihak menghulur dan menerima. Di peringkat ini, kawalan boleh dibuat walaupun sukar kerana bukti sukar diperolehi. Tetapi apabila diperolehi maka tindakan boleh diambil," katanya. (BH, 9-1-98).

Dr Mahathir sendiri melancarkan gerakan Pemantapan Keutuhan Dalam Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia di Ibu Pejabat Badan Pencegah Rasuah (BPR). Gerakan itu diawasi oleh Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) yang antara lain untuk menangani masalah dan kelemahan dalam pengurusan kewangan kerajaan, pentadbiran awam, pengendalian kes tata tertib, rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.

Pengarah BPR berkata: "Tanpa komitmen Perdana Menteri dan pemimpin lain dalam kerajaan, nescaya gerakan ini akan tinggal nama sahaja selepas pelancaran." Tentu ramai bersetuju.

Kelainan pelancaran akta ini berbanding yang terdahulu ialah sifat gerakan itu yang menyeluruh dan bukan sahaja bagi menentang keburukan rasuah dan nafsu tamak haloba kepada kekayaan dunia malah bagi membina diri dan memperkukuhkan kerohanian.

Insya-Allah sebagaimana yang dikatakan beliau: "Apabila aspek ini dapat digerakkan secara berkesan dengan diterajui oleh pemimpin sebagai role model nescaya nilai integriti, akauntabiliti dan keadilan akan wujud sehingga menjadi teras kepada pengurusan dan pentadbiran kerajaan."

Tiada siapa dapat menafikan kesan buruk rasuah. Ia harus diperangi habis-habisan. Tindakan memerangi rasuah ini juga harus bersepadu dalam konteks negara Asean.

Seharusnya ada satu resolusi bersama di antara negara Asean bertekad

untuk memerangi rasuah, seiring dan seganding dengan resolusi badan antarabangsa yang berusaha ke arah kepentingan manusia sejagat.

(END)